

06 NOV 2000

MAPEX-BUMI

PEMBELI-PEMBELI DI MAPEX 2000 DAPAT TAMBAHAN DISKAUN 5-10 PERATUS

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Para pembeli Bumiputera pada Ekspo Hartanah Malaysia 2000 (MAPEX) yang akan datang akan mendapat tambahan diskaun lima hingga 10 peratus bagi hartanah kediaman di bawah Skim Pemilikan Kediaman Bumiputera Khas.

Penganjur MAPEX 2000, Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah (REHDA) di dalam satu kenyataan di sini berkata tambahan diskaun itu adalah tambahan kepada diskaun biasa unit-unit Bumiputera iaitu dari lima hingga 15 peratus.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melahirkan sokongan padu ke atas skim berkenaan dan berharap inisiatif ini akan memudahkan lagi kaum Bumiputera memiliki rumah sendiri, terutamanya di kawasan-kawasan yang pemilikan rumah amat rendah, kata REDHA.

Setakat ini, kira-kira 50 pemaju telah tampil untuk menyertai secara sukarela di dalam Skim Pemilikan Kediaman Bumiputera Khas ini.

REHDA berkata hampir 2,700 unit bernilai RM396.8 juta telah didaftarkan di bawah skim ini.

Unit-unit perumahan yang didaftarkan untuk skim ini ialah dalam lingkungan harga daripada RM80,000 hingga RM500,000 setiap satu dengan sebahagian besar dalam lingkungan harga RM100,000 hingga RM200,000.

Bumiputra-Commerce Bank Bhd dan Kumpulan Arab-Malaysian Banking, yang menyokong skim ini akan menawarkan margin pinjaman yang tinggi, di samping pakej kewangan yang menarik untuk pembeli-pembeli Bumiputera yang berkelayakan.

MAPEX 2000 yang akan diadakan selama 14 hari, dijadual berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini dari 8 Nov dan dijangka menyaksikan penyertaan 200 pemaju hartanah dan institusi kewangan.

Ia diadakan sebagai susulan kepada kejayaan Kempen Pemilikan Rumah yang diadakan dalam tahun 1998 dan 1999. MAPEX 2000 akan menawarkan sejumlah 40,000 unit hartanah dengan gabungan nilai melebihi RM5 bilion.

-- BERNAMA

MAD SD AA MA